

Headline **Kerjasama pintar P1WiMax, Mimos**  
Date **10 Dec 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Journalist **Helmy Abd Rahman**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **42**  
Article Size **324 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,966**  
PRValue **20,899**



# Kerjasama pintar P1WiMax, Mimos

Ujian langsung jendela informasi Internet dilaksanakan di Chini Timur

**Jen-ii ialah peranti dan perkakasan literasi maklumat berasaskan ikon kos rendah yang dibangunkan khusus bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.**

**Helmy Abd Rahman**

**P**ACKET One Networks itu menyaksikan P1 mengemban tanggungjawab menyampaikan WiMAX (Malaysia) Sdn Bhd (P1), bangkitkan capaian Pusat Jalur Lebar Komunitinya (CBC) ke ruang matan WiMAX 4G dunia, mah terpilih sekitar lokasi berpengumuman kerjasama pintar bersama Mimos Bhd (Mimos) bagi memulakan ujian langsung Jendela Informasi Internet (Jen-ii) di Chini Timur, Pahang.

Ketika ini, P1 satu-satunya syarikat telekomunikasi Wimax yang diberi lampu hijau oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SKMM) untuk mengembangkan WiMax ke seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif P1, Michael Lai, berkata kerjasama

"Jen-ii ialah peranti dan perkakasan literasi maklumat berasaskan ikon kos rendah yang dibangunkan khusus bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan masyarakat luar bandar serta warga tua, sekaligus dilihat mampu merapkan jurang digital.

"Kami juga sentiasa berusaha untuk menyempurnakan janji dan hasrat syarikat untuk menyediakan perkhidmatan jalur

lebar kepada semua tanpa mengira tempat," katanya pada satu kenyataan akhbar, semalam.

Menurutnya, warga tua Chini Timur dikenal pasti sebagai sebahagian daripada program itu kerana golongan itu antara dilihat tidak mungkin dapat me luangkan masa di CBC P1 selain tidak mesra teknologi.

"Golongan ini boleh membentuk atau menyertai masyarakat dalam talian untuk meningkatkan gaya hidup mereka seperti membuat perbandingan harga barang, menyertai kelas dalam talian dan menggunakan e-mel.

"Dengan fungsi komputer yang mudah, warga emas boleh

mengakses perisian di internet dengan hanya menekan tiga klik tetikus dari kediaman mereka," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Abdul Wahab Abdullah, berkata Mimos Jen-ii dan landasan teknologi WiWi Mimos adalah dua contoh bagaimana teknologi dibangunkan syarikat mampu memberi impak kepada semua rakyat di negara ini.

"Sasaran utama kami ialah untuk memacu teknologi daripada perkakasan kepada penyumbang dan seterusnya sebagai satu sektor," katanya.

Headline	<b>Kerjasama pintar P1WiMax, Mimos</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>10 Dec 2009</b>	Page No	<b>42</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>324 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Bisnes</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>Helmy Abd Rahman</b>	ADValue	<b>6,966</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>20,899</b>
Circ / Read	<b>289,315 / 1,981,000</b>		



**TEKNOLOGI...**Timbalan Pengurus Jawatankuasa Rancangan Felda Gabungan Wilayah Kuantan, Zaid Sidek (kanan), menyampaikan Jen-ii dan WiWi kepada peserta program.